



**KENYATAAN MEDIA**  
**UNIT PERANCANG EKONOMI, JABATAN PERDANA MENTERI**

---

**DASAR TENAGA NEGARA BAKAL JANA RM260 BILION  
KEPADA KDNK DAN MEWUJUDKAN 207,000 PEKERJAAN  
MENJELANG TAHUN 2040**

---

1. PUTRAJAYA, 19 September 2022 -- Pelaksanaan Dasar Tenaga Negara, 2022 - 2040 (DTN) dijangka akan dapat meningkatkan sumbangan keluaran dalam negara kasar (KDNK) sebanyak RM260 bilion dan mewujudkan 207,000 peluang pekerjaan baharu menjelang tahun 2040. DTN juga akan dapat menarik kemasukan pelaburan langsung asing dan memperkukuh kemampuan ekonomi serta fiskal negara.
2. DTN yang dilancarkan hari ini oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob merupakan satu dasar komprehensif sektor tenaga dengan visi ke arah **Kemampuan Tenaga untuk Mencapai Kemakmuran Bersama**. Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri (JPM) yang bertanggungjawab sebagai peneraju dalam penyediaan DTN, sebelum ini telah mengadakan lebih daripada 100 sesi libat urus bersama pihak berkepentingan seperti kementerian dan agensi kerajaan, kerajaan negeri, persatuan industri dan syarikat swasta.

3. Majlis pelancaran DTN ini turut dihadiri YB Dato' Sri Mustapa Mohamed, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi); YB Dato' Sri Dr. Adham Baba, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi; YB Datuk Seri Takiyuddin Hassan, Menteri Tenaga dan Sumber Asli; YB Dato' Sri Tuan Ibrahim Tuan Man, Menteri Alam Sekitar dan Air; YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki Ali, Ketua Setiausaha Negara; dan YBhg. Dato' Sri Mohd Shafiq Abdullah, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam.
4. Sektor tenaga dijangka akan terus memainkan peranan penting dalam menjana pertumbuhan ekonomi negara dan ini membolehkan sektor ekonomi lain untuk terus berkembang maju. Bagi merealisasikan visi ini, DTN telah menetapkan tiga objektif iaitu:
  - i) **meningkatkan daya tahan ekonomi makro dan jaminan bekalan tenaga;**
  - ii) **mencapai kesaksamaan dan kemampuan sosial;** dan
  - iii) **memastikan kelestarian alam sekitar.**
5. DTN juga telah dijangka dengan komitmen negara terhadap Matlamat Pembangunan Mampan 7 (SDG7) iaitu Memastikan Akses kepada Tenaga yang Mampu Dimiliki, Mampan dan Moden untuk Semua. Ini disokong oleh landskap pelaburan global masa kini yang turut memberi penekanan terhadap pelaburan alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG).
6. Di samping itu, krisis tenaga global akibat konflik Rusia-Ukraine yang masih berlarutan serta kenaikan harga komoditi tenaga seperti arang batu dan gas asli juga telah mempercepatkan lagi peralihan kepada tenaga yang lebih bersih. Dalam hal ini, Kerajaan komited untuk tidak membina loji jana kuasa arang batu yang baharu mulai tahun 2040

seperti yang telah diumumkan semasa pembentangan Rancangan Malaysia Kedua Belas 2021-2025 (RMKe-12). Sebaliknya, Malaysia akan meningkatkan kapasiti terpasang tenaga boleh baharu (TBB) bagi memenuhi sasaran yang ditetapkan.

7. Potensi sumber TBB seperti solar, biojisim dan biogas akan turut diteroka bagi meningkatkan sumber tenaga bersih dan mampan manakala teknologi sistem penyimpanan tenaga (*battery energy storage*) akan diperkenalkan bagi memastikan sumber tenaga elektrik yang terjamin dan berkualiti. Inisiatif ini juga adalah selaras dengan sasaran keberhasilan utama bagi sektor tenaga di bawah RMKe-12. Selain itu, penggunaan hidrogen juga akan diperluas dan teknologi berasaskan *carbon capture and storage* akan dibangun bagi membantu negara menangani isu pelepasan karbon dalam pelbagai sektor.
8. DTN juga telah menetapkan beberapa sasaran terpilih bagi mencapai Aspirasi Negara Rendah Karbon 2040. Antara sasaran terpilih ini termasuk meningkatkan perkongsian mod pengangkutan awam bandar kepada 50 peratus, meningkatkan penggunaan kenderaan elektrik atau EV kepada 38 peratus dan meningkatkan jumlah kapasiti terpasang TBB kepada 18,431 MW.
9. Bagi memastikan hala tuju peringkat tertinggi dalam membuat keputusan strategik berkaitan sektor tenaga dapat dilaksanakan secara berkesan oleh kementerian dan agensi yang bertanggungjawab, Kerajaan menubuhkan **Majlis Tenaga Negara** yang akan dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri.

10. Dengan adanya DTN, Kerajaan akan memastikan Keluarga Malaysia akan terus mendapat akses kepada sumber tenaga yang mampu milik, berdaya harap serta mampan. Selain itu, Kerajaan juga akan terus memainkan peranan penting dalam merealisasikan visi DTN supaya manfaat ekonomi yang besar akan diperoleh melalui perkembangan bidang pertumbuhan baharu.

**#KeluargaMalaysia**

**#BekerjaBersamaRakyat**

**UNIT PERANCANG EKONOMI**

**JABATAN PERDANA MENTERI**

**19 SEPTEMBER 2022**